



ALBUM: Gambar kenangan peserta BYSC bersama barisan VIP jemputan.



PANEL: (Dari kiri) Norsyafiqah Salimun, Ghafur Rahim Mustakim dan Suraina Sulong ketika sidang forum berkenaan.



CENDERAHATI: (Dari kiri) Ghafur Rahim Mustakim, Dr Hj Mohd Hizul Azri Hj Md Noor dan Prof Datuk Dr ChM Taufiq Yap Yun Hin.

YDKMM Sabah anjur Borneo Youth Social Convention (BYSC)

WB 25.11.2019 3

KOTA KINABALU: Borneo Youth Social Convention (BYSC) buat julung kalinya dianjurkan oleh Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM) Cawangan Sabah dengan kerjasama Sekretariat Rakan Muda (SRM), Persatuan Alumni KML (PAKML) dan Youth of Strength and Happiness (YOSH) bertempat di Galeri Majlis, Bangunan Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Program ini bertujuan mengumpulkan para belia dan anak muda remaja serta memberikan pendedahan mengenai peranan anak muda yang sentiasa siap sedia untuk berbakti kepada masyarakat secara sukarela.

Seramai lebih kurang 100 orang peserta yang terdiri dari kalangan mahasiswa UMS, Asasi UMS, pelajar Kolej Matrikulasi Labuan (KML) dan wakil dari pelajar Asasi Universiti Teknologi Petronas (UTP) mengikuti program ini dengan jayanya.

Turut hadir dalam program itu adalah Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr ChM Taufiq Yap Tun Hind dan pengasas serta penasihat Utama YDKMM Dr Hj Mohd Hizul Azri Hj Md Noor.

Ketika ditemu ramah, Taufiq berkata: "Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia atas usaha yang mereka telah lakukan untuk menggabungkan belia dan remaja

dalam usaha melakukan kerja-kerja kebajikan dan kebaikan."

Tambahnya, usaha tolong-menolong dalam melakukan kebaikan dan ke arah membentuk nilai-nilai kesukarelawanan dalam menjalankan aktiviti khususnya di kawasan-kawasan yang memerlukan adalah sangat penting.

Beliau juga sangat menyokong penuh dan menggalakkan agar lebih ramai lagi mahasiswa dapat berganding bahu untuk melaksanakan semua program yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Sidang forum 'New Youth Paradigm for 21st Century' juga turut berlangsung ketika itu, dengan penampilan dari para panel iaitu Ghafur Rahim Mustakim, penasihat YDKMM Sabah juga merupakan calon Ijazah Kedoktoran Marin Bi-otoksin, UMS Suraina Sulong, Naib Setiausaha YDKMM, Calon Ijazah Sarjana Sains Komputer, UM, serta Norsyafiqah Salimun, Timbalan Pengerusi YDKMM Perak, Calon Ijazah Kedoktoran Kejuruteraan Awam, UTP.

Ketika ini, pengasas dan penasihat utama YDKMM, Dr Hj Mohd Hizul Azri serta delegasi barisan teringgi YDKMM pusat turun ke Sabah untuk tujuan lawatan serta meninjau perkembangan Pusat Pengajian Al-Quran (PMA) yang sedang giat dilaksanakan di YOSH Centre, Sulaman Sentral secara percuma buat golongan asnaf dan mualaf.